

Warisan Gambus Johor: Kumpulan Gambus Nurulhilal

Nur Hanisah Hazian
Nur Ashiqin Nisa Norazli
Hanis Diyana Kamarudin
Mohd Nazir Ahmad

Fakulti Pengurusan Maklumat**UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana**

Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor

Abstrak

Artikel ini dihasilkan dari sumber utama iaitu secara temubual sejarah lisan menggunakan pendekatan medium komunikasi secara atas talian bersama Dr. Mohd Nizam Attan. Dr. Mohd Nizam Attan merupakan seorang penggiat seni dan pensyarah yang bergiat aktif dalam seni muzik tradisional negeri Johor iaitu gambus. Beliau juga merupakan salah seorang ahli Kumpulan Gambus Nurulhilal yang masih bergiat aktif dalam meneruskan legasi gambus. Artikel ini turut membincangkan tentang asal-usul alatan tradisional tersebut dari segi cara pembuatan, bagaimana hendak memainkannya, perbezaan antara gambus biasa dan gambus samrah, tema serta muzik dan alunan yang digunakan. Tujuan kajian ini juga dilakukan agar anak muda generasi kini tidak membiarkan alatan ini lapuk ditelan dek zaman terutamanya ia merupakan alatan tradisional kebanggaan negeri Johor. Menurut Dr. Mohd Nizam Attan, penglibatan anak muda terhadap dalam penggunaan alat tradisional ini semakin kurang di kalangan generasi muda kini. Dengan adanya artikel ini, diharapkan agar permainan gambus yang pernah maju di negeri Johor ini dapat diperketengahkan semula dan diguna oleh generasi masa kini. Penghasilan artikel ini diharapkan dapat member pendedahan kepada pembaca mengenai alat muzik tradisional seperti gambus.

Kata Kunci: *Gambus, Gambus Nurulhilal, peralatan muzik tradisional, muzik Johor*

Abstract

This article is developed based on an oral history interview conducted with Dr Mohd Nizam Attan, an art activist and a lecturer who actively promotes traditional music instruments known as gambus in Johor. He also acts as one of the active members from Kumpulan Gambus Nurulhilal, which plays significant roles in continuing the gambus legacy, particularly in Johor. This article also discusses the origins of these traditional music instruments in terms of how they are made, the technique to play, the differences between ordinary gambus and gambus samrah, as well as the music and melody used. The study's outcome will provide exposure to future researchers and the young generation on the existence of these traditional music instruments in Malaysia.

Keywords: *Gambus, Gambus Nurulhilal, traditional music instrument, Johor music*

PENGENALAN

“Gambus” adalah sebuah alat muzik tradisional yang popular di negeri Johor pada suatu ketika dahulu. Gambus juga digunakan sebagai sebuah alat muzik yang dipersembahkan kepada golongan istana pada asalnya dan dimainkan oleh masyarakat sebagai sebuah alat hiburan sewaktu beristirahat serta didalam majlis-majlis tertentu. Secara lebih spesifiknya, tujuan kajian ini adalah untuk mengetahui mengenai pengurusan seni persembahan kumpulan Gambus Nurulhilal di Batu Pahat, Johor. Gambus difahamkan merupakan sejenis lut atau juga dikenali sebagai kecapi, yang mempunyai leher yang pendek. Ia berasal dari Yemen dan kemudiannya tersebar ke seluruh semenanjung Arab.

Selain itu, gambus juga dikenali sebagai “Al-Ud” atau “Lute” yang menyerupai bentuk alat muzik barat dan berbentuk bujur. Menurut seorang ahli muzik gambus yang berasal dari Johor, perkataan gambus berasal dari perkataan Arab, iaitu “Qupuz” (Nizam, 2020). Namun demikian, telah berlakunya perubahan yang melibatkan perkataan “Qupuz” itu menjadi perkataan “Gabbus” dan ianya berlaku di sekitar daerah Zanzibar dan juga di

sekitar kawasan Filipina Selatan. Malahan, perubahan ini juga turut berlaku di Republik Malagasy. Disini, ia telah bertukar nama menjadi kaboosa dan setibanya di Tanah Melayu sekali lagi berlakunya pertukaran bahasa atau perkataan iaitu dari “Gabbus” menjadi “Gambus”. Namun begitu, terdapat persamaan dan juga perhubungan bentuk antara gambus dan kaboosa dengan gabbus. Manakala di Kepulauan Melayu, gambus boleh didapati di Malaysia Barat iaitu di Johor, di dalam kumpulan tradisional seperti Ghazal dan Zapin. Selain itu, gambus juga turut boleh dijumpai di sekitar daerah pesisir Sumatera dan Jawa (Latifah 2015).



Gambar 1: Alat muzik Gambus (Sumber dari “Google”)

Antara yang dikaji oleh penyelidik ialah gambus mengikut jenis yang diguna pakai di Johor merupakan dari gambus yang jenisnya ialah Hadhramaut atau kita panggil gambus Arab yang berasal dari Tanah Arab. Ia juga dikenali atau merujuk kepada perkataan Arab iaitu “Oud”. Seperti yang dikaji, terdapat dua bentuk persembahan Gambus yang dipersembahkan di Johor. Yang pertama ialah persembahan yang sering diadakan di majlis perkahwinan orang-orang Melayu dan yang seterusnya, ialah persembahan yang dipersembahkan di majlis perkahwinan keturunan Arab. Bagi persembahan untuk majlis kahwin keturunan Arab ini, ia dipersembahkan oleh kumpulan gambus Samrah. Terdapat perbezaan antara persembahan gambus biasa dan juga persembahan gambus Samrah. Ini kerana, persembahan gambus

Samrah hanya dimainkan menggunakan dan bertemakan Arab dari segi pakaian dan juga muzik yang disampaikan. Malah, ia juga melibatkan keturunan-keturunan Arab dalam majlis tersebut.

PERMASALAHAN KAJIAN

Menurut kebanyakan kajian melalui penulisan yang terhasil dari artikel penyelidikan yang diperolehi, anak muda kita kian lupa dan sering salah erti dan salah tafsir tentang konsep alatan muzik tradisional seperti gambus. Menurut Latifah (2015), genre seni muzik itu mempunyai gaya yang tersendiri dan unik meskipun seperti yang diketahui umum bahawa terdapat satu elemen antara Ghazal dan juga gambus yang popular di Johor. Kebanyakan antara kita yang salah faham dan salah erti dan barangkali dengan salah faham itu jugalah telah menyebabkan gambus ini sendiri dilupakan di Johor. Menurut Mohd Nizam, ketika diwawancara jelas beliau melahirkan sedikit kekecewaan terhadap sikap anak muda sekarang yang lupa tentang alat muzik gambus dan juga tiada pembaharuan yang dibuat untuk membawa gambus ke tahap yang lebih baik di dunia dan juga yang paling terkesan iaitu di negeri Johor itu sendiri kerana ia merupakan alatan tradisional Johor.

Kajian lalu juga mendapati kurang usaha yang dilakukan oleh masyarakat kita dalam mengetengahkan alatan gambus ke persada dunia. Mengikut keratan akhbar dari Berita Harian melalui penulisan (Latifah, 2015), terdapat keratan petikan dari salah seorang pemain gambus yang kecewa dengan sikap masyarakat Johor sendiri yang tidak mengetengahkan budaya tersebut. Ini kerana terdapat banyak elemen nasihat dan kata-kata cinta yang ada dalam persembahan gambus. Lagu yang dipersembahkan juga sarat dengan kata-kata nasihat dan pujian yang berupaya untuk mendidik dan mengajar masyarakat melalui lagu yang dipersembahkan. Beliau sendiri telah mengambil inisiatif untuk melakukan kajian dan berkongsi dengan masyarakat tentang gambus. Antara inisiatif yang telah dilakukan beliau ialah melalui penerbitan buku, dan kebanyakan yang berkisarkan tentang asas permainan gambus itu sendiri. Ujarnya lagi, dalam penyelidikan yang dilakukan, pelbagai aspek yang perlu dititik beratkan dan ia merangkumi bentuk dan juga identiti termasuk dari segi teknikal dalam pembuatan gambus di Malaysia. (Nizam, 2015)

Menurut keratan akhbar (Berita Harian, 2015) ini juga telah mengulas kesukaran para aktivis gambus dalam membentuk standard yang dapat diterjemahkan dalam mengekalkan tradisi gambus tempatan di mata masyarakat kita. Menurut salah seorang pengkaji gambus juga, menyatakan setakat ini tiada batas-batas yang khusus dalam pembuatan tentang gambus tempatan yang agak sukar untuk diperbanyakkan oleh sebahagian dari pembuat atau tukang yang mahir dalam pembuatan alatan muzik ini kerana terlebih biasa dalam pembuatan dengan gaya mereka yang tersendiri dan kebanyakan yang mahir dalam pembuatan gambus ini merupakan golongan tua. (Raja Zulkarnain, 2015)

Melalui petikan yang dipetik dari sebuah akhbar, Raja Zulkarnain Raja Mohd Yusof yang juga merupakan Presiden Pertubuhan Gambus Malaysia berkata, "*Seni muzik gambus dan ghazal belum pupus. Cuma ia bergerak secara mendatar dan tidak berkembang*". Ini kerana masyarakat banyak melihat seni muzik gambus ini kurang diperluaskan kerana kurang menarik perhatian segelintir pihak yang lebih pakar dalam industri yang sepatutnya meneliti dan mengkaji tentang kepentingan genre seperti ini yang seharusnya diketengahkan (Badrul Kamal, 2017). Kajian juga mendapati kesenian muzik gambus tidak dapat berkembang dengan baik kerana ketiadaan platform yang disediakan. Perkara inilah yang menyebabkan kesenian alatan muzik ini tidak berkembang dan semakin tenggelam ditelan zaman. Sepatutnya, pihak yang bertanggungjawab perlu melakukan sesuatu bagi membangunkan semula seni warisan tradisional tersebut agar seni warisan ini dapat berkembang dengan pesat dan diangkat di mata masyarakat. (Raja Zulkarnain, 2017)

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian terhadap Kumpulan Gambus Nurulhilal ini dilakukan adalah bertujuan untuk:

- a) Mengetahui dengan lebih lanjut mengenai pengurusan seni persembahan gambus oleh Kumpulan Gambus Nurulhilal.
- b) Mengenal pasti permasalahan yang dihadapi oleh Kumpulan Gambus Nurulhilal dalam mengekalkan seni persembahan gambus Johor
- c) Mengenalpasti cara ahli Kumpulan Gambus Nurulhilal menghadapi dan mengatasi cabaran dalam mengekalkan tradisi dan keaslian gambus.

PERSOALAN KAJIAN

Berikut merupakan antara persoalan-persoalan yang terdapat dalam kajian ini:

- a) Apakah kaedah atau sistem pengurusan seni persembahan gambus yang digunakan untuk mengetengahkan lagi identiti gambus Johor kepada masyarakat terutamanya kumpulan Gambus Nurulhilal yang berada di Johor?
- b) Apakah permasalahan yang dialami oleh Kumpulan Gambus Nurulhilal dalam mengekalkan seni persembahan gambus Johor?
- c) Bagaimanakah cara ahli Kumpulan Gambus Nurulhilal menghadapi dan mengatasi cabaran untuk mengekalkan tradisi dan keaslian seni muzik gambus itu sendiri?

TINJAUAN LITERATUR

Bahagian ini akan membincangkan kajian yang pernah dijalankan oleh para pengkaji terdahulu mengenai alatan gambus. Seterusnya, pengkaji akan membahagikan kepada beberapa bahagian rujukan yang digunakan semasa menjalankan kajian. Jika dilihat kembali pada asalnya sejarah muzik tradisional Malaysia haruslah dilihat dari aspek dunia Melayu terdahulu yang bersempadan dengan negara-negara Asia iaitu Indonesia, Thailand, Kampuchea dan Filipina. (Hélène Bouvier, 2002). Dapat dilihat pelbagai persamaan dan penerimaan aspek alat dan struktur muzik yang wujud hasil warisan budaya yang hampir serupa serta turut menerima pengaruh aspek muzik dari Timur Tengah, India dan China. Justeru, berlaku interaksi sosiobudaya yang menyebabkan wujudnya kepelbagaian genre muzik di Malaysia. Jika difokuskan pada muzik ghazal, ia dikaitkan dengan nyanyian puisi bertemakan cinta yang dikatakan dibawa dari Timur Tengah sebelum kemunculan Islam. Antaranya adalah Gambus yang sangat popular pada ketika itu di Johor. Gambus biasanya dimainkan oleh kaum lelaki pada waktu malam sebagai cara untuk beristirahat setelah penat bekerja. (Farid Alatas, 2010).

Merujuk kembali dari artikel yang telah dikaji, menurut salah satu artikel yang membahaskan mengenai sejarah awal kemunculan gambus, katanya, pada awal mulanya berkembang tentang alat muzik gambus ini merupakan

pada masa Kesultanan Melaka. Pada zaman Kesultanan Melaka, banyak pedagang dari Timur Tengah masuk ke daerah Melayu dan menjual barangan dagangan. Mereka juga turut memberi laluan budaya mereka masuk ke Tanah Melayu pada ketika itu dan salah satunya merupakan muzik gambus. Nyanyian dan juga iringan muzik gambus masuk ke daerah Melayu melalui pedagang dari Tanah Arab. Malahan, mereka tidak hanya menyebarkan budaya muzik gambus sahaja tetapi juga turut menyebarkan ajaran agama Islam melalui muzik gambus tersebut. Jadi, itu sebabnya mengapa muzik gambus mempunyai unsur nasihat dengan nyanyian yang mengandungi unsur dan berlandaskan dengan ciri Islam.

Berbalik kepada perkembangan alat muzik gambus di nusantara, gambus merupakan alat muzik tradisional yang perlu dipetik jika ingin memainkannya. Secara fizikal yang dapat dilihat melalui pandangan kasar, gambus dalam sekali imbas mempunyai bentuk seperti gitar akan tetapi gambus ini mempunyai bentuk yang mirip dengan buah labu yang dibahagi kepada dua bahagian. Menurut petikan dari artikel, sebahagian daripada masyarakat Riau percaya bahawa alat muzik gambus ini merupakan hasil daripada tiruan dan juga pembaharuan dari alat muzik Al'ud yang berasal dari Arab. Namun, ada sesetengah yang menganggap bahawa gambus adalah alat muzik dari Riau, Indonesia. Menurut dari cerita dalam kalangan masyarakat, alatan ini pada awalnya dikenali oleh masyarakat Melayu yang tinggal di sekitar kawasan pesisir pantai, kemudian pada abad ke 7 hingga abad ke 15, para pedagang dari Timur Tengah masuk berdagang di kawasan tersebut. Akhirnya, hasil daripada aktiviti dagangan dan pergaulan yang berlaku telah terhasilnya pengenalan mengenai gambus. (Puteri Maulida, 2020)

Menurut kajian dari petikan keratan akhbar turut menyatakan bahawa salah seorang pakar gambus iaitu Raja Zulkarnain juga mengetengahkan ciri-ciri unik yang ada di gambus seperti cara ukiran yang menggunakan tatahan yang bermotifkan budaya rumpun masyarakat Melayu. Gambus ini juga dihasil dari penggunaan kayu yang bermutu tinggi dan juga menggunakan mutiara yang diambil dari Sabah. Dengan keunikan yang ada pada gambus itu diinspirasikan daripada ukiran yang terhasil dari pintu hadapan masuk istana Melayu lama zaman dahulu kala. Terdapat corak yang tertentu yang diketengahkan iaitu corak itik pulang petang yang diletak di bahagian 'pickguard' serta corak pemeleh pintu gerbang atau gunungan di ukir di

bahagian 'fingerboard inlay' yang terhasil melalui inspirasi dari corak istana Melayu. (Khairunnisa, 2015)

Menurut penulisan dari keratan artikel ini juga, pengkaji telah menyatakan kebanyakan gambus pada era tersebut banyak yang tidak mempunyai ciri kemelayuan. Hal ini kerana, kebanyakannya menggunakan contoh "oud" yang mempunyai pelbagai saiz dan reka bentuk yang diambil dan diolah dari negara luar iaitu dari negara Timur Tengah. Dengan pembaharuan yang dilakukan telah menyebabkan identiti muzik Gambus itu sendiri mempunyai uniknya yang tersendiri agar warisan khazanah terjamin. (Raja Zulkarnain, 2015)

Melalui bidang ini, pengkaji telah mengkaji sedikit sebanyak mengenai alatan gambus dari pelbagai aspek dan sentuhan dari Kumpulan Gambus Nurulhilal (KGNH) yang diceritakan oleh Dr. Mohd Nizam iaitu salah seorang ahli dari Kumpulan Gambus Nurulhilal. Selain daripada itu, bagi sesebuah kumpulan Gambus, sudah semestinya ia terdiri daripada lebih daripada dua orang ahli. Antara alatan yang ada dalam kumpulan gambus merupakan biola, bongo, akordion, dan kiuben. Malahan, kumpulan gambus juga terdapat penyanyinya yang tersendiri. Untuk penyanyi dalam kumpulan tersebut mereka mengambil salah seorang ahli dari kumpulan gambus itu sendiri. Menurut, Dr Nizam kesenian gambus yang ada di negeri Johor merupakan seni persembahan gambus yang dibawa oleh Allahyarham Attan Hassan iaitu bapanya sendiri yang pada ketika itu bekerja di Singapura dalam tahun 1940-an dan beliau belajar dari pedagang Arab yang berdagang dan berhijrah ke situ pada ketika itu.

KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Kajian yang dibuat adalah berkaitan dengan peralatan muzik tradisional Johor iaitu gambus. Di dalam kajian ini telah pengkaji menerangkan tentang asal-usul mengenai alat muzik gambus dan juga tentang legasi gambus dari Kumpulan Gambus Nurulhilal. Gambus merupakan salah satu alat muzik yang bentuknya serupa akan buah pear.

Tujuan kajian ini adalah untuk menitik beratkan tentang betapa pentingnya kita untuk mengekalkan tradisi warisan turun-temurun di negara kita. Dengan kajian ini penyelidik dapat mengetahui lebih lanjut tentang warisan negeri Johor iaitu gambus. Ia juga dijalankan untuk mengkaji tentang asal-usul alat tradisional tersebut dari segi cara pembuatan, bagaimana hendak memainkannya,

perbezaan antara gambus biasa dan gambus samrah, tema serta muzik dan alunan yang digunakan agar memudahkan anak muda generasi akan datang untuk lebih mudah memahami dan pelajari tentang warisan tradisi gambus. Seterusnya penyelidik dapat memberikan sedikit pendedahan mengenai kumpulan gambus warisan Johor kepada anak muda masa kini tentang Kumpulan Gambus Nurulhilal yang sudah lama bertapak di negeri Johor. Sebagai contoh, dengan menggunakan bantuan teknologi yang canggih pada masa kini dapat mempercepatkan proses penyebaran dan juga dapat diperluaskan lagi kepada generasi kini. Dengan ini, anak muda generasi kini akan lebih mengenali Kumpulan Gambus Nurulhilal. Hal ini demikian kerana generasi kini lebih gemar menggunakan teknologi terkini dengan mencari informasi semasa. Ini juga dapat dijadikan sebagai kepentingan kajian kerana dapat memberi pendedahan sedikit sebanyak kepada generasi kini terutamanya golongan anak muda. Ini kerana, maklumat seperti ini tidak diterapkan dalam sesi pembelajaran mereka pada peringkat awal sekolah rendah mahupun di sekolah menengah. Jadinya, penyebaran secara digital merupakan antara usaha penyelidik ingin memberikan mereka pendedahan mengenai perkara tersebut. Selain itu, penyelidik juga dapat mengetengahkan semula alatan muzik gambus yang kian lama tenggelam dek zaman.

Dengan menjalankan kajian ini juga dapat memberikan beberapa kepentingan dan juga sumbangan yang dapat digunakan oleh penyelidik untuk membantu pengkaji lain dan juga untuk menjaga warisan negara yang begitu berharga dan perlu dijaga seterusnya dapat menyedarkan anak muda tentang kewujudan alatan muzik tradisional negara kita dengan lebih mendalam.

METODOLOGI

Di bahagian ini penyelidik menceritakan mengenai sejarah lisan dan ia merupakan satu kaedah dimana kenangan ataupun kisah kehidupan seseorang tokoh yang dirakamkan melalui wawancara. Kebiasaannya, yang dipilih adalah mereka yang dapat memberikan maklumat bersejarah dari segi penglibatan dan pengalaman diri mereka sendiri, ataupun kerana perhubungan dan penglibatan mereka secara langsung dengan watak, masa atau peristiwa tertentu. Hasil daripada maklumat yang diperolehi itu nanti kemudiannya akan disemak dan ditaip semula agar dapat digunakan sebagai bahan pengajaran dan penyelidikan. Dr. Mohd Nizam bin Attan telah di temubual melalui kaedah kualitatif iaitu temu bual secara atas talian dengan

menggunakan medium elektronik iaitu 'Google Meet'. Manakala, pencarian dan pengumpulan maklumat tambahan pula diperoleh menerusi 'Google', dan media sosial seperti 'Facebook' dan juga 'Whatsapp'. Temu bual yang menggunakan 'Google Meet' ini telah berlangsung selama 128 minit dan diadakan pada 11 November 2020, merupakan hari Jumaat dan dilakukan pada jam 9:00 pagi dan berakhir pada jam 11:30 pagi.

Menurut kajian yang dilakukan penyelidik, Dr. Mohd Nizam Attan merupakan salah seorang ahli Kumpulan Gambus Nurulhilal yang masih bergiat aktif dalam meneruskan legasi gambus pada masa kini. Beliau merupakan anak kepada pengasas Kumpulan Gambus Nurulhilal iaitu Allahyarham Ustaz Attan Hassan. Beliau merupakan anak jati Johor yang dilahirkan di Sungai Dulang Rengit iaitu di Batu Pahat, Johor.

Pada awalnya, penyelidik telah membuat kajian awal melalui pembacaan surat khabar dan juga jurnal mengenai penubuhan awal Kumpulan Gambus Nurulhilal dan juga asal usul gambus. Penyelidik menggunakan medium secara atas talian iaitu dengan menggunakan platform "Google Meet" sebagai perantara dan juga merakam suara untuk merekod sepanjang sesi temu bual itu berlangsung. Kaedah temubual secara alam maya ini telah dipilih dan dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak berikutan situasi semasa negara yang tidak mengizinkan ekoran dilanda wabak COVID-19. Seterusnya, penyelidik telah menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantara sepanjang sesi ini berlangsung. Walau bagaimanapun, terdapat juga penggunaan Bahasa Inggeris sewaktu sesi temubual dijalankan.

HASIL KAJIAN

Kaedah Atau Sistem Pengurusan Seni yang digunakan

Antara kaedah atau sistem pengurusan seni persembahan gambus yang digunakan untuk mengetengahkan lagi identiti gambus Johor kepada masyarakat terutamanya pada Kumpulan Gambus Nurulhilal adalah dengan meluaskan lagi platform yang menggunakan media sosial. Ini juga merupakan salah satu kaedah yang kini mula diterapkan oleh ahli kumpulan gambus itu sendiri dalam mengetengahkan lagi identiti gambus dimata masyarakat. Selain itu, dengan menggunakan kaedah media sosial dalam meluaskan lagi

pengetahuan, ia juga dapat memudahkan masyarakat untuk mengetahui lebih lanjut mengenai pendekatan tentang gambus Johor. Ini kerana medium media sosial merupakan medium yang acap kali digunakan oleh masyarakat masa kini dalam mencari sebarang maklumat terkini. Kaedah seterusnya, penyelidik mendapati pengkaji juga turut mengambil inisiatif untuk melakukan kajian dan berkongsi dengan masyarakat tentang gambus. Antara inisiatif yang telah dilakukan beliau ialah melalui penerbitan buku, dan kebanyakan yang berkisarkan tentang asas permainan gambus itu sendiri.

Permasalahan yang dialami oleh Kumpulan Gambus Nurulhilal

Melalui hasil kajian ini juga dapat dilihat permasalahan yang dialami oleh Kumpulan Gambus Nurulhilal ialah anak muda kita kian lupa dan sering sering salah erti dan salah tafsir tentang konsep alatan muzik tradisional seperti gambus. Melalui hasil kajian ini juga penyelidik mendapati kurang usaha yang dilakukan oleh masyarakat kita dalam mengetengahkan alatan gambus ke persada dunia apatah lagi dalam menerapkan budaya ini dalam kehidupan harian masyarakat setempat. Ia juga menjadi salah satu faktor mengapa industri kini kurang dalam ingin mengekalkan seni muzik persembahan tradisional seperti gambus. Seterusnya dengan tiadanya platform yang disediakan juga merupakan salah satu masalah yang menyebabkan tersekatnya seni alatan gambus dimata masyarakat dan ini juga merupakan salah satu faktor, seni alatan gambus ini tidak mampu berkembang dengan baik di mata masyarakat. Perubahan pengaruh muzik luar dalam dari persembahan kumpulan gambus dalam mengekalkan tradisi dan keaslian seni muzik gambus pada era kini yang kian canggih dengan teknologi juga merupakan salah satu faktor permasalahan yang dihadapi oleh Kumpulan Gambus Nurulhilal dalam mengekalkan keaslian persembahan gambus itu tanpa diolah oleh pembaharuan yang baru.

Ini kerana penyelidik dapat mengetahui serba sedikit tentang perubahan pengaruh muzik luar dalam dari persembahan kumpulan gambus dalam mengekalkan tradisi dan keaslian seni muzik gambus pada era kini yang kian canggih dengan teknologi masa kini. Seperti yang kita ketahui, terdapat pelbagai jenis muzik yang sangat digemari oleh masyarakat setempat pada tahun 60an dan 70an. Hal ini kerana ia terdiri daripada pelbagai bentuk dan jenis. Antaranya ialah di daerah bandar seperti Batu Pahat dan Muar, dan ini

kerana mereka lebih terdedah kepada punca hiburan yang datangnya daripada kumpulan *live band* seperti D'Fiction, The Wisma dan juga banyak beberapa nama lain yang membangun ketika itu. Walau bagaimanapun, penduduk di kawasan luar bandar seperti di kawasan bandar kecil dan di kawasan kampung, kebanyakannya terdorong kearah kesenian tradisi seperti Kuda Kepang, Barongan, Wayang Kulit Jawa, Ghazal, Ketoprak dan Kumpulan Gambus yang dikatakan pada waktu itu agak membangun.

Kemunculan Awal Gambus di Johor

Melalui kajian ini juga dapat mengetahui mengenai di awal kemunculan gambus di Johor itu dibawa oleh pengasas Kumpulan Gambus Nurulhilal. Kumpulan Gambus Nurulhilal ini diasaskan oleh Allahyarham Ustaz Attan Hassan pada tahun 1970an, dan secara tidak langsung ia menjadi kumpulan yang digemari ramai. Hal ini kerana, kumpulan ini sering menjadi penyeri di dalam majlis-majlis keramaian di sekitar daerah Batu Pahat dan Pontian ketika penghujung tahun 70an hingga ke akhir tahun 90an. Malahan, terdapat perbezaan dari segi peralatan yang digunakan dan juga reptoirnya. Ini kerana, kumpulan ini mempunyai tradisinya yang tersendiri berbanding dengan yang lain seperti kumpulan gambus samrah, ghazal, Hamdolok atau zapin Melayu.



Gambar 2: Kumpulan Gambus Nurulhilal (Sumber daripada Facebook)

Terdapat dua bentuk persembahan gambus yang masih aktif digunakan di Johor. Yang pertamanya ialah kumpulan gambus yang sering mengadakan persembahan pada majlis perkahwinan orang-orang Melayu. Manakala yang satu lagi pula merupakan persembahan gambus bagi majlis kahwin yang mempunyai salah silah keturunan Arab dan persembahan ini dikenali sebagai gambus samrah. Ini juga tertumpu kepada sekumpulan pemuzik yang bermain muzik bersama-sama dan ditunjuk ajar atau diketuai oleh salah seorang pemain gambus dalam mengadakan persembahan. Seterusnya terdapat perbezaan antara gambus biasa dan juga gambus samrah dari segi tema dan cara ini kerana gambus biasa hanya digunakan di majlis keramaian dan perkahwinan dan menyanyikan lagu dalam bentuk nasihat dan tiada pakaian yang spesifik yang digunakan atau ditetapkan untuk melakukan persembahan. Manakala bagi gambus samrah, ianya tertumpu kepada orang yang berketurunan Arab dan mempunyai tema didalam persembahan iaitu pakaian tradisi Arab dan menyampaikan lagu dalam Bahasa Arab dan juga mempunyai penari untuk persembahan tersebut.

Cabaran dalam Mengekalkan Tradisi

Di samping itu, antara cara menghadapi dan mengatasi cabaran untuk mengekalkan tradisi dan keaslian seni muzik gambus ini ialah penyelidik dapat menambah pengetahuan baru dari segi memelihara alatan gambus yang sebenarnya memerlukan penjagaan yang betul. Hal ini kerana, kayu-kayu yang digunakan dalam membuat alatan gambus sangat susah untuk dijumpai dan juga ia memerlukan tempat yang bersesuaian untuk disimpan bagi menjaga kualiti kayu tersebut daripada rosak. Penyelidik juga dapat mengetahui betapa sukarnya dalam pembuatan gambus itu sebelum terhasilnya sebuah gambus yang cantik. Ini kerana, kayu yang dipilih bukan daripada calang-calang kayu dan hanya kayu terpilih dan diimport dari luar negara sahaja yang diguna pakai dalam pembuatan gambus. Begitu juga dengan gam yang digunakan bagi mencantum segala bahagian badan gambus sebelum terbentuknya sebuah gambus itu. Difahamkan, mereka menggunakan tepung gandum untuk dijadikan gam bagi mencantum setiap perincian pada gambus tersebut.

Cara Menempah Kumpulan Gambus Nurulhilal

Hasil kajian turut membincangkan mengenai kaedah ataupun cara membuat tempahan persembahan yang akan dilakukan oleh penganjur untuk menempah Kumpulan Gambus Nurulhilal. Ia turut membahaskan mengenai bayaran yang telah ditetapkan oleh ketua kumpulan gambus, dan mengikut kebiasaan jika kedua belah pihak telah bersetuju dan mencapai kata sepakat dalam sebut harga, ketua kumpulan akan memulakan dengan meminta bayaran deposit iaitu duit pendahuluan dari pihak penganjur sebagai tanda setuju dan akan menggunakan duit berkenaan sebagai wang awalan dalam mempersiapkan diri dari pelbagai aspek seperti sewaan alat pembesar suara. Bagi jumlah bayaran yang dikenakan pula, ia bergantung kepada beberapa factor. Yang pertamanya ialah berapa lama atau berapa jam masa yang diperuntukkan atau yang diperlukan ketika sesuatu persembahan itu dijalankan. Selain itu, ia turut bergantung pada jauh jarak tempat sesuatu persembahan. Hal ini kerana, mereka turut mengambil kira kos minyak untuk ke destinasi tersebut dan kebiasaannya jumlah bayaran diputuskan setelah mencapai kata sepakat dari pihak penganjur dan Kumpulan gambus Nurulhilal itu sendiri. Kebanyakan kos tempahan yang dikenakan adalah sedikit mahal, ini kerana tahap permainan dan pengalaman bermain gambus ini tidak ternilai dan tidak sama dengan pendatang baru.

Kebaikan Yang Diperoleh Melalui Permainan Gambus

Menurut kajian ini juga terdapat banyak kebaikan yang dapat diperoleh melalui permainan gambus ini kerana setiap yang dilakukan dan baris lirik alunan yang disampaikan dalam muzik gambus ini memberikan banyak kesan dan nilai-nilai murni yang baik dan bagus untuk diterapkan dalam diri dan kehidupan orang yang mendengar dan juga mendalami tentang alatan permainan gambus ini. Ini kerana terdapat banyak kebaikan yang boleh diperoleh ketika mendengar alunan dan persembahan dari kumpulan gambus ini kerana ayat-ayat yang digunakan yang mempunyai unsur-unsur yang lebih kepada kearah unsur-unsur yang membawa nilai Islam, kata-kata yang berunsur dakwah jihad dan juga bersifat ketuhanan. Hal ini kerana, alat muzik gambus itu merupakan alat yang berasal dari negara timur tengah dan individu

yang mempelajari muzik gambus itu menggunakan lagu Arab dan Melayu dengan menggunakan hukum-hakam Islam.

Berbalik pada penilaian peribadi penyelidik, terdapat perbezaan yang dapat kita lihat melalui Kumpulan Gambus Nurulhilal berbanding dengan kumpulan muzik yang lain. Ini kerana, mereka menggunakan gambus sebagai alat muzik iringan dalam setiap persembahan mereka dan Kumpulan gambus Nurulhilal ini juga turut menjadikan gambus sebagai alat utama dalam setiap hasil persembahan yang dipersembahkan. Ia secara tidak langsung dapat memupuk semangat penyelidik dalam mendalami ilmu berkaitan alatan tradisi gambus dengan lebih mendalam agar dapat membantu anak muda generasi kini supaya tidak mudah lupa dengan warisan dahulu.

KESIMPULAN

Kajian ini adalah bertujuan untuk memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai alat muzik tradisional yang popular di Johor. Artikel-artikel yang telah dihasilkan oleh penyelidik di Malaysia telah membantu mengenalpasti permasalahan kajian seperti yang telah dibincangkan. Permasalahan yang diperoleh melalui pembacaan awal telah membantu penyelidik untuk menetapkan tajuk kajian ini. Amalan tradisi di dalam persembahan Kumpulan Gambus Nurulhilal ini telah meninggalkan kesan yang besar di dalam memupuk nilai kerjasama dalam kalangan masyarakat terutamanya apabila melakukan sesuatu aktiviti bersama-sama. Ia juga berpotensi untuk dikembang kepada anak muda diluar sana dalam mendalami ilmu bermain alatan permainan tradisi seperti gambus. Antara hasil kajian yang dapat dikaji ialah ghazal dan gambus itu sebenarnya berbeza sekali daripada yang diperkatakan orang atau masyarakat selama ini. Ini kerana gambus merupakan alatan tradisi Arab yang menggunakan ayat-ayat yang berunsur nasihat dalam setiap lagu yang disampaikan. Berbeza pula konsep dengan ghazal yang banyak menggunakan ayat yang berunsur cinta dan pantun. Kebanyakan lagu yang digunakan dipetik menggunakan unsur-unsur nasihat seperti mendoakan kebahagiaan bagi pihak mempelai yang baru sahaja berkahwin, dan nasihat berkaitan keharmonian keluarga. Hiburan yang telah diberikan oleh kumpulan ini telah mengeratkan ukhuwah dalam kalangan penduduk berbagai lapisan generasi. Dengan itu, muzik gambus berfungsi dalam berbagai spektrum kehidupan manusia termasuk muzik yang mempunyai unsur-unsur keislaman

dalam menenangkan jiwa. Justeru, permasalahan tersebut telah mendorong penyelidik untuk menetapkan objektif dan persoalan kajian yang sesuai melalui pemilihan lokasi kajian dan merangka persoalan yang bertepatan dengan objektif kajian ini. Seterusnya, penyelidik turut menerangkan kepentingan kajian yang dijalankan ini mampu dijadikan sebagai sumber rujukan kepada pihak tertentu pada masa hadapan dan juga untuk menyedarkan anak muda mengenai betapa pentingnya alatan tradisional yang perlu diambil peduli kerana tidak mahu alatan tradisional kita lapuk ditelan zaman kerana sifat anak muda kita yang mudah lupa tentang asal usul alatan tradisional rakyat Malaysia.

Rujukan

- Admin. (2019, April 21). *Gambus – Alat Musik Tradisional Asal Riau*. Lagu Daerah. <https://lagudaerah.id/gambus/>
- Agong Sasongko (2017, March 17). Mengenal Musik Gambus. *Republika Online*. <https://republika.co.id/berita/omyt3f313/mengenal-musik-gambus>
- Badrul Kamal Zakaria. (2017, February 18). Seni muzik gambus dan ghazal belum mati. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2017/02/250209/seni-muzik-gambus-dan-ghazal-belum-mati>
- Bouvier, H. (2002). *Lèbur!: Seni Musik Dan Pertunjukan Dalam Masyarakat Madura*. Indonesia: Percetakan Grafita Mardi Yuana. Retrieved from <https://books.google.com.my/books?id=bJb7VuY6z2EC&printsec=frontcover&dq=editions:FBgTdAckM9QC&hl=en&sa=X&ved=2ahUKEwiPt83jp8rtAhX0wTqGHdII DpgQ6 AEwAHoECAEQAg#v=onepage&q&f=false>
- Farid Alatas (Syed.). (2016). *Hadhrami Arabs Across the Indian Ocean: Contributions to Southeast Asian Economy and Society*. Singapore: National Library Board. Retrieved from <https://books.google.com.my/books?id=VUVPQAAMAAJ&q=gambus&dq=gambus&hl=en&sa=X&ved=2ahUKEwjFtLX5nsrtAhUowzgGHf16DHQQ6AEwBXoECAUQAq>
- GAMBUS - Definisi gambus dalam kamus Melayu. (n.d.). Educalingo. <https://educalingo.com/ms/dic-ms/gambus>
- Khairunnisa Kamarudin. (2015, November 30). Pelajar UM hasil gambus identiti rumpun Melayu. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/11/100946/pelajar-um-hasil-gambus-identiti-rumpun-melayu>.

Latifah.(2015, April 22). Gambus kian dilupakan di Johor. *Berita Harian*.
<https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/04/48993/gambus-kian-dilupakan-di-johor>

Mohd Nizam Attan. (2020, Dec 11). Personal interview [Personal interview].
Pengertian Seni Gambus. (2020). Retrieved from 14 November 2020,
from http://www.jmm.gov.my/files/Kumpulan%20Gambus_FGS.pdf

Putri Maulida. (2020, May 13). Perkembangan Alat Musik Gambus di Nusantara.
Good News From Indonesia.
<https://www.goodnewsfromindonesia.id/2020/05/13/perkembangan-alat-musik-gambus-di-nusantara>